

**6CONTOH SOALAN – SOALAN PEPERIKSAAN ASAS TAKAFUL  
SET 2/2015**

- 1 Dibawah pelan takaful keluarga berkumpulan, pihak – pihak yang terlibat dalam kontrak ialah \_\_\_\_\_
- A Majikan dan pekerja
  - B Pekerja, majikan dan pengendali takaful**
  - C Majikan dan pengendali takaful
  - D Benefisiari, pekerja, majikan dan pengendali takaful
- 2 Yang manakah diantara berikut merupakan ciri – ciri asas objektif pelaburan?
- A Pendapatan**
  - B Perlindungan
  - C Spekulasi
  - D Perjudian
- 3 Apakah yang perlu dilakukan terlebih dahulu apabila ejen membuat hubungan urus niaga dengan bakal pemegang sijil?
- A Memperkenalkan dan mempamerkan kad kuasa ejen berdaftar sebagai pengenalan diri**
  - B Memberitahu nama syarikat/pengendali takaful yang diwakili
  - C Mengutip bayaran sumbangan takaful
  - D Memohon pengendali takaful supaya mengeluarkan sijil
- 4 Yang manakah di antara berikut merupakan faktor – faktor yang dipertimbangkan untuk membuat pelaburan?
- I Aspek – aspek percukaian
  - II Prestasi pelaburan
  - III Kepelbagaian
  - IV Dana sedia ada
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas**
- 5 Apakah sebab UTAMA seseorang itu melabur dalam dana unit amanah?
- I Dana ini membantu pelabur dalam mengurangkan tahap pendedahan risiko keseluruhan
  - II Dana ini dapat mengurangkan kos membentuk portfolio yang mempunyai kepelbagaian dalam bidang pelaburan
  - III Dana ini dapat mengurangkan keperluan untuk memilih dan mengurus sendiri pelaburan
- A I sahaja
  - B II sahaja
  - C I dan II sahaja
  - D Kesemua di atas**
- 6 \_\_\_\_\_ adalah satu perjanjian yang sah di sisi undang – undang antara pihak – pihak yang berkenaan
- A Kontrak**
  - B Surat probet
  - C Penyelesaian tuntutan
  - D Bukti umur

- 7 **Maklumat penting bagi penilaian risiko yang lebih menyeluruh boleh didapati dari sumber – sumber berikut, KECUALI:**
- A Laporan ejen
  - B Borang cadangan
  - C **Laporan polis**
  - D Laporan perubatan
- 8 **Sesuai pelan takaful keluarga itu dikatakan telah mencapai tahap \_\_\_\_\_ apabila ia melengkapkan tempoh penyertaan**
- A **Matang**
  - B Tuntutan
  - C Serahan
  - D Pembaharuan
- 9 **Sijil Takaful Keluarga mengandungi maklumat – maklumat berikut, KECUALI:**
- A **Amaun tuntutan yang telah dibayar**
  - B Keterangan mengenai perlindungan
  - C Syarat – syarat sijil
  - D Pengecualian
- 10 **Ejen Takaful diberikan kuasa untuk**
- A Menguatkuasakan kontrak bagi pihak pengendali takaful
  - B **Memberi jaminan kepada mana – mana peserta bagi pihak pengendali takaful**
  - C Mewakili pengendali takaful am, tanpa sebarang had bilangan pengendali yang boleh di wakili
  - D Mentadbir dana takaful
- 11 **Berapakah had umur minimum sebagai pemilik sijil takaful**
- A 21 tahun
  - B **18 tahun**
  - C 14 hari
  - D 15 tahun
- 12 **Pelaburan yang dibuat oleh pengendali takaful daripada sumbangan yang diterima, selepas ditolak peruntukan bayaran tuntutan dan lain – lain perbelanjaan, dikenali sebagai:**
- A Nilai buku
  - B **Surplus/lebih**
  - C Aset
  - D Liabiliti
- 13 **Bagi pasangan yang berkahwin dan memilih taksiran bersama dalam tahun asas, berapakah amaun pelepasan cukai yang dibenarkan atas sumbangan takaful keluarga dan caruman KWSP?**
- A RM5,000
  - B **RM6,000**
  - C RM8,000
  - D RM12,000
- 14 **Ciri – ciri pelan takaful pendidikan adalah seperti berikut, KECUALI:**
- A Pewaris mestilah ibu bapa
  - B **Pelan ini membolehkan ibu bapa membuat simpanan melalui pembayaran sumbangan tetap sepanjang tempoh penyertaan sehingga kanak – kanak itu mencapai umur 18 tahun**

- C Apabila mencapai usia 18 tahun, kanak – kanak akan menerima manfaat tunai tahunan bagi membiayai kos pendidikan tinggi
- D Sebagai pemegang amanah, ibu bapa layak menerima manfaat kematian dan manfaat hilang upaya kekal dan menyeluruh
- 15 Aziz adalah seorang yang sanggup menghadapi risiko. Dia ingin memiliki sejumlah wang dalam masa 10 tahun. Dimanakah wangnya perlu dilaburkan?**
- I Unit amanah dan produk berkaitan pelaburan yang banyak melabur dalam pelaburan ekuiti
- II Dana yang objektif utamanya ialah untuk mencatatkan pertumbuhan yang tinggi
- III Dana yang banyak melabur dalam sekuriti kerajaan
- IV Deposit bank dan dana tunai
- A I dan II
- B I, II dan III
- C I, III dan IV
- D III dan IV
- 16 Kod Etika dan Perlakuan perniagaan takaful tidak melibatkan**
- A Mereka yang memasarkan produk takaful keluarga
- B Kakitangan pengendali Takaful Keluarga
- C Ejen insurans hayat
- D Ejen takaful keluarga
- 17 Yang manakah di antara berikut BUKAN jenis perlindungan Takaful Keluarga?**
- A Pelan Perlindungan Individu
- B Pelan Perlindungan Gadai Janji
- C Pelan Anuiti
- D Pelan Perlindungan Harta
- 18 Yang manakah di antara berikut BUKAN teknik mencegah dan mengurangkan kerugian dalam takaful kebakaran?**
- A Memberi latihan kepada pekerja mengenai langkah – langkah mencegah kebakaran
- B Pelupusan bahan buangan dengan cara yang wajar dan menjaga kebersihan sepanjang masa
- C Penggunaan bahan yang tidak mudah terbakar dalam sektor pembinaan
- D Pemasangan sistem penggera kecurian
- 19 Jumlah risiko yang boleh tanggung oleh dana takaful dinamakan \_\_\_\_\_**
- A Had asas
- B Had pembendungan
- C Had spekulatif
- D Had terkawal
- 20 Yang manakah diantara perkara berikut adalah contoh bahaya moral**
- A Pendawaian perkakas elektrik yang rosak
- B Sengaja membakar barangan tidak terjual di kilang
- C Tekanan di tempat kerja
- D Berjalan di atas permukaan yang licin
- 21 Kenyataan berikut yang manakah menerangkan pengendali takaful berhak menolak tuntutan**

- I Kerugian yang dilaporkan tidak wujud
- II Kerugian atau kerosakan disebabkan peril yang tidak dilindungi didalam sijil takaful
- III Kerugian atau kerosakan adalah disebabkan peril yang dikecualikan
- IV Sijil takaful dalam keadaan batal disebabkan pelanggaran syarat

- A I dan II
- B I, II dan III
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**22 Penetapan amaun indemnti bergantung kepada jenis dan ciri – ciri kontrak takaful. Yang manakah diantara kenyataan berikut TIDAK BENAR mengenai indemnti sekiranya berlaku tuntutan**

- A Indemnti dalam kontrak takaful harta adalah berdasarkan sama ada kos penggantian ditolak susutnilai atau nilai pasaran
- B Di dalam kontrak takaful liabiliti ia diukur oleh amaun yang diputuskan (award) oleh pihak mahkamah atau sebarang kaedah penyelesaian melalui rundingan yang diputuskan diluar mahkamah, termasuk daripada kos dan perbelanjaan yang diluluskan
- C Indemnti dalam kontrak takaful perkuniari/kewangan diukur oleh jumlah kerugian kewangan yang ditanggung oleh peserta
- D Dalam takaful jaminan kesetiaan, indemnti diukur oleh jumlah kerugian kewangan yang diinsuranskan di bawah polisi berkenaan.

**23 Teknik yang membolehkan risiko dikurangkan dan dipindahkan bagi tujuan mengurangkan had bendungan**

- A Memilih teknik pengendalian risiko
- B Penilaian teknik kerugian yang ditakrifkan
- C Berkongsi risiko spekulatif dan tulen
- D Kaedah takaful semula

**24 Kelebihan takaful adalah seperti berikut KECUAL**

- A Bantuan kewangan kepada yang kurang bernasib baik
- B Tanggungjawab sosial
- C Konsep Tabarru
- D Manfaat hanya kepada orang Islam

**25 Dalam model Wakalah, pengendali takaful akan menerima bahagian atas pulangan yang dipersetujui sebagai \_\_\_\_\_**

- A Bayaran wakalah
- B Yuran prestasi
- C Yuran tuntutan
- D Yuran keluarga

**26 Di dalam sesuatu kontrak tawaran yang dibuat oleh pihak pertama dikenali sebagai \_\_\_\_\_**

- A Ijab
- B Qabul
- C Sighah
- D Maaqud alaih

**27 Yang manakah di antara berikut BUKAN bahaya?**

- A Memandu kenderaan yang diubahsuai
- B Menyediakan pemadam api di dalam bangunan

- C Merokok di stesen minyak
- D **Pendawaian yang sempurna di dalam bangunan**

**28 Pelan takaful perubatan dan kesihatan biasanya melindungi perkara – perkara berikut, KECUALI:**

- A **Pembedahan kosmetik**
- B Penginapan di hospital dan perbelanjaan kejururawatan
- C Perbelanjaan rawatan doktor
- D Pemeriksaan pesakit yang dirawat di hospital

**29 Peraturan bagi industri Takaful diwujudkan untuk melindungi:**

- A Persatuan Takaful
- B **Pemegang Sijil**
- C Pengendali Retakaful
- D Pengendali Takaful

**30 Sijil Takaful Perbelanjaan Perubatan Utama biasanya membayar**

- A Perbelanjaan dan Ringgit yang pertama
- B Manfaat tunai harian
- C Berkongsi kos
- D **Deduktibel yang telah dipersetujui**

**31 Dua (2) jenis riba yang utama adalah \_\_\_\_\_**

- A Riba Buyu dan Riba Sahih
- B Riba Wahyu dan Riba Soleh
- C **Riba Duyun dan Riba Buyu**
- D Riba Sufi dan Riba Dai

**32 Siapa pemilik Kumpulan Wang Takaful?**

- A Pengasas dan pemegang saham takaful
- B Pengawal selia insurans dan takaful
- C **Peserta**
- D Pengendali takaful

**33 Apabila seseorang (muwakkil) itu mewakilkan kepada individu (wakil) lain menjalankan tugas – tugas perniagaan bagi pihaknya akad ini dipanggil**

- A Hibah
- B Aqad
- C **Wakalah**
- D Tabarru

**34 Apakah jenis tuntutan tidak boleh dirujuk kepada Biro Pengantaraan Kewangan?**

- A Tuntutan Motor di bawah RM200,000
- B Tuntutan Kebakaran di bawah RM200,000
- C **Tuntutan Pihak Ketiga melebihi RM5,000**
- D Tuntutan Takaful Keluarga di bawah RM100,000

**35 Pada asasnya terdapat DUA (2) kelas takaful semula iaitu fakultatif dan triti. Yang manakah antara berikut adalah takaful semula triti?**

- I Triti surplus/lembihan
- II Kongsi Kuota

- III Lebih Kerugian
- IV Kerugian Tersukat

- A I dan II
- B I, II dan III
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

**36 Yang manakah di antara berikut SALAH berkenaan Bayaran/Waranti Sumbangan?**

- A Peserta dikehendaki membayar sumbangan yang dikenakan bagi takaful dalam tempoh 60 hari dari tarikh efektif perlindungan takaful
- B Jika sumbangan tidak dibayar oleh peserta pada hari ke 60, perlindungan takaful akan dibatalkan dari hari ke 61
- C Pengendali takaful berhak kepada wang sumbangan tempoh singkat bagi tempoh mereka menanggung risiko
- D Sebarang pembayaran yang diterima oleh ejen yang dilantik adalah disifatkan sebagai diterima oleh pengendali takaful

**37 Kenapakah notifikasi tuntutan amat penting?**

- A Pengendali takaful perlu memaklumkan kepada Bank Negara Malaysia
- B Ejen takaful akan mendapat komisyen dengan mendaftar tuntutan
- C Pengendali takaful perlu membuat peruntukan bagi menampung kos tuntutan
- D Ejen takaful akan dilantik untuk membuat siasatan berkenaan tuntutan

**38 Berikut adalah sumber utama – sumber utama Syariah**

- I Al Quran
- II Kes – Kes Perundangan
- III Adat Arab Jahiliah
- IV Sunnah

- A I
- B I dan II
- C I dan IV
- D Semua di atas

**39 Di bawah pelan perlindungan takaful keluarga, bayaran sumbangan boleh dibuat dalam bentuk:**

- I Bayaran tunai atau cek yang dibayar langsung kepada pengendali takaful
- II Debit langsung dari akaun bank milik peserta sijil
- III Potongan gaji
- IV Surat jaminan

- A I dan II
- B II dan IV
- C I, II dan III
- D Semua di atas

**40 Yang manakah di antara situasi – situasi berikut BUKAN contoh risiko peribadi?**

- A Risiko kesihatan yang semakin buruk
- B Risiko kehilangan pekerjaan
- C Risiko inflasi dalam Negara
- D Risiko simpanan tidak mencukupi ketika persaraan

**41 Biro Perantaraan Kewangan (FMB) tidak akan mempertimbangkan aduan, pertikaian atau tuntutan berkaitan perkara – perkara:**

- A Penetapan harga
- B Pertikaian mengenai liabiliti
- C Keputusan mengenai kredit/pinjaman (kelulusan, ditolak dan penjadualan semula pinjaman)
- D Kes – kes penipuan (selain dari kes di mana had amaun tidak melebihi RM25,000)

**42 Apakah yang dimaksudkan dengan had sepanjang hayat?**

- A Jumlah maksimum manfaat yang disediakan untuk peserta bagi setiap hilang upaya, iaitu untuk setiap kemasukan ke hospital
- B Jumlah maksimum manfaat yang disediakan untuk peserta mengikut bilangan hari ia dimasukkan ke hospital
- C Jumlah maksimum manfaat yang disediakan untuk peserta sepanjang hayatnya
- D Jumlah maksimum manfaat yang disediakan untuk peserta dalam mana – mana tahun sivil

**43 Konsep disebalik insurans adalah dimana sumbangan dibuat oleh sekumpulan individu yang berkongsi risiko yang syarikat insurans dalam bentuk \_\_\_\_\_**

- A Pampasan
- B Premium
- C Denda
- D Faedah

**44 Akaun Khas/Risiko Peserta merujuk kepada \_\_\_\_\_**

- A Akaun untuk kredit sebahagian caruman daripada peserta bagi tujuan pelaburan/simpanan
- B Akaun untuk mengkreditkan sebahagian caruman peserta bagi tujuan tabarru'
- C Akaun yang sebahagiannya untuk diagihkan kepada dana pemegang saham
- D Akaun untuk tujuan laporan Bank Negara Malaysia

**45 Apakah kesan yang diperolehi dari pengunderaitan perubatan?**

- A Pengunderaitan akan lebih yakin untuk meluluskan permohonan pencadang
- B Yuran atau bayaran wakalah dapat dimaksimumkan
- C Kadar sumbangan takaful perubatan individu dapat diminimumkan ke tahap yang serendah mungkin
- D Dana risiko mempunyai baki yang mencukupi untuk membayar tuntutan

**46 Keterangan yang paling TEPAT mengenai risiko tulen ialah**

- A Tidak kerugian, untung atau rugi
- B Tiada kerugian atau mengalami kerugian
- C Untung atau rugi
- D Rugi

**47 Elemen – elemen penting Takaful Semula adalah:**

- I Takaful Semula adalah sejenis takaful tetapi adalah kontrak yang berbeza dan berasingan daripada Takaful asal
- II Kontrak Takaful Semula dibuat selaras dengan prinsip Syariah
- III Kontrak Takaful Semula mesti melindungi risiko yang sama seperti Takaful asal
- IV Kedua – dua sivil Takaful dan Takaful Semula mesti wujud pada masa yang sama

- A I dan II
- B I dan III
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

48 Kadar mortaliti dan morbiditi secara amnya bertambah apabila \_\_\_\_\_

- A Umur populasi bertambah
- B Pendapatan populasi bertambah
- C Tempoh penjang diambil untuk sembuh dari kemalangan
- D Kejatuhan ekonomi

49 Saluran manakah yang digunakan untuk menyelesaikan pertelingkahan?

- I Berunding dan berkompromi
- II Litigasi
- III Penyelaras
- IV Perantara

- A I dan II
- B II dan III
- C I, II dan IV
- D Semua di atas

50 Dua (2) jenis perniagaan takaful semula adalah \_\_\_\_\_

- A Kawalan dan perlindungan
- B Peril dan fakultatif
- C Am dan Triniti
- D Triti dan Fakultatif

51 Namakan jawatankuasa yang fungsinya adalah untuk menasihati pengendali takaful ke atas operasinya untuk memastikan ia tidak melibatkan dalam mana – mana unsur – unsur yang tidak diluluskan oleh undang – undang Agama Islam.

- A Jawatankuasa Pengawasan Takaful
- B Jawatankuasa Pengawasan PIAM
- C Jawatankuasa Pengawasan Syariah
- D Jawatankuasa Pengawasan MTA

52 Yang manakah di antara berikut adalah ciri – ciri Takaful?

- I Peserta adalah bertanggungjawab untuk melindungi antara satu sama lain melalui tabarru'
- II Pengendali takaful hanya menguruskan operasi Takaful bagi pihak peserta
- III Pengendali takaful menjamin dan memberi perindungan sebagai balasan ke atas sumbangan
- IV Dana takaful dilaburkan dalam pelaburan patuh Syariah

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

53 Undang – undang Takaful dikuatkuasakan bagi melindungi \_\_\_\_\_

- A Persatuan takaful
- B Pemegang sijil
- C Pengendali takaful semula
- D Pengendali takaful

54 Kontrak \_\_\_\_\_ adalah dimana apabila seseorang diletakkan kembali kepada keadaan kewangan seperti sebelum kerugian



- A Nilai tunai sebenar
- B Pengambil kiraan
- C Sumbangan
- D **Indemniti**

55 Dalam model Wakalah, pengendali takaful akan menerima bahagian atas pulangan pelaburan yang dipersetujui sebagai \_\_\_\_\_

- A **Bayaran wakalah**
- B Yuran prestasi
- C Yuran tuntutan
- D Yuran Keluarga

56 Undang – undang Sosial Islam merujuk kepada

- A Fiqh Munakahat
- B Fiqh Jinayat
- C **Fiqh Muamalat**
- D Hudud

57 Dalam perniagaan takaful, kerugian ditanggung oleh \_\_\_\_\_

- A **Peserta takaful**
- B Pengendali takaful
- C Pemegang saham
- D Broker

58 Yang mana satu diantara berikut BUKAN merupakan prinsip asas insurans dan takaful?

- A Kepentingan boleh insurans/takaful
- B Penuh Percaya Mutlak
- C **Timbangtara**
- D Perkongsian Sama Rata

59 Apabila sesuatu tuntutan itu didapati sah, pihak yang dilindungi berhak menerima ganti rugi/indemniti (atas budi bicara pengendali takaful) dengan menggunakan kaedah

- I Pembatalan
- II Bayaran Tunai
- III Penggantian
- IV Pemulihan semula

- A I dan II
- B I, III dan IV
- C **III dan IV**
- D Semua di atas

60 Kawal selia diri diperkenalkan oleh industri insurans/takaful supaya

- I Kepentingan awam dilindungi
- II Memaklumkan tuntutan pelanggan dan mengatasinya
- III Menggalakkan keseragaman dalam amalan pasaran
- IV Meningkatkan tahap kerjasama didalam industri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D **III dan IV**

61 Yang mana satu di antara pernyataan berikut BUKAN tugas ejen

- A Membuat cadangan perlindungan bersesuaian kepada pelanggan
- B Menulis proviso di atas sijil pelanggan
- C Membantu bakal pelanggan melengkapkan permohonan
- D Memastikan pelanggan memahami perlindungan yang mereka pilih

62 Yang manakah di antara berikut akan meninggikan risiko Takaful Perubatan dan Kesihatan?

- I Umur
- II Pekerjaan
- III Faktor persekitaran
- IV Majikan

- A I dan II
- B II dan IV
- C I, II dan III
- D Semua di atas

63 Qardh Hasan merupakan suatu kontrak berkaitan \_\_\_\_\_

- A Pinjaman berserta faedah
- B Pinjaman tanpa faedah (pinjaman ihsan)
- C Pinjaman berserta hibah
- D Pinjaman tanpa hibah

64 Apakah definisi Takaful-bersama (co -Takaful)?

- A Jumlah wang yang anda perlu bayar setiap tahun untuk menampung perbelanjaan perubatan sebelum pelan Takaful anda mula memberikan perlindungan
- B Jumlah perbelanjaan yang tidak boleh dituntut didalam sijil
- C Jumlah yang akan ditolak dari jumlah tuntutan
- D Satu peruntukan dasar dimana diri yang diinsuranskan dan pengendali Takaful berkongsi kerugian yang dilindungi di bawah polisi dan pada kadar tertentu

65 Pengendali takaful menggunakan asas – asas berikut dalam menentukan umur pencadang:

- A Umur harijadi akan datang
- B Umur pada tahun ini
- C Umur harijadi yang telah lepas
- D Salah satu dari yang di atas

66 Pelanggan yang telah menyertai pelan takaful yang ditawarkan oleh pengendali takaful berorientasikan jualan, biasanya lebih cenderung untuk menyertai pelan yang:

- I Tidak difahami mereka
- II Tidak memenuhi keperluan mereka
- III Memenuhi keperluan mereka
- IV Menyebabkan mereka akan membatalkan sijil untuk mendapat nilai serahan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

67 Bagi urusan tuntutan kematian, penama perlu menyediakan dokumen – dokumen berikut:

- A Salinan sijil kematian yang diakui sah  
B Permit pengkebumian  
C Pengesahan dari ejen takaful mengenai hubungan antara penama dengan si mati  
D Salinan sijil takaful yang diakui sah
- 68 Yang manakah di antara dokumen berikut perlu disertakan ketika mengemukakan tuntutan hilang upaya kekal dan menyeluruh?**
- A Laporan pengesahan perubatan oleh doktor pakar yang merawat  
B Surat pengesahan oleh kakitangan tuntutan pengendali takaful  
C Laporan bertulis oleh ejen takaful  
D Surat probat yang diperolehi dari mahkamah
- 69 Sumbangan kasar TIDAK mengandungi**
- A Sumbangan bersih  
B Bebanan perbelanjaan  
C Keuntungan dari pasaran saham  
D Bebanan keuntungan dan kecemasan
- 70 Kegagalan untuk melaporkan ke Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai dokumen sijil boleh menyebabkan Pengendali Takaful didenda sehingga \_\_\_\_\_ bagi setiap kesalahan**
- A RM1,000  
B RM4,000  
C RM5,000  
D RM10,000
- 71 Aset yang dimiliki oleh Pengendali Takaful Keluarga meliputi aset berikut, KECUALI:**
- A Pelaburan dalam sekuriti kerajaan  
B Wang Tunai  
C Pembayaran dari Perbankan Islam  
D Saham di badan – badan korporat
- 72 Salah satu cara untuk menilai aset ialah melalui “nilai buku” yang bermaksud**
- A Nilai buku di pusat sumber pengendali takaful  
B Nilai sebenar sekiranya aset berkenaan dijual dipasaran terbuka  
C Harga ketika aset berkenaan dibeli/diperolehi  
D Nilai yang diletakkan pada aset berkenaan didalam buku akaun pengendali takaful
- 73 Yang manakah di antara kenyataan berikut BUKAN faktor utama yang mempengaruhi kemortalan?**
- A Umur  
B Jantina  
C Tabiat peribadi  
D Gaji
- 74 Bagaimana risiko pasaran boleh mempengaruhi prestasi atau pencapaian dana berkaitan pelaburan?**
- A Risiko pasaran akan mempengaruhi pasaran keseluruhan dan oleh itu akan memberi kesan kepada prestasi pelaburan  
B Risiko pasaran akan mempengaruhi status Syariah keatas aset  
C Risiko pasaran akan mendorong pengendali takaful melanggar keperluan pematuhan

D Risiko pasaran akan memberi kesan kepada keupayaan membayar balik pinjaman

**75 Susunkan dana – dana berikut mengikut urutan menaik (rendah tinggi) berdasarkan portfolio risikonya:**

- I Dana terurus
- II Dana derivatif dan dana hadapan
- III Dana sukuk kerajaan
- IV Dana tunai
- V Dana terimbang

- A IV, III, I, V, I
- B V, I, II, III, IV
- C IV, III, V, I, II**
- D IV, V, I, II, III

**76 Yang manakah di antara berikut adalah BENAR mengenai penyerahan hak sijil takaful keluarga?**

- A Memindahkan semua hak dan liabiliti dari pengendali takaful kepada peserta
- B Penyerahan hak sijil takaful keluarga tidak dibenarkan di Malaysia
- C Pemegang serah akan mempunyai hak yang sama seperti yang dinikmati oleh penyerah hak**
- D Semua hak yang terletak di bawah sijil takaful keluarga boleh dipindahkan melalui penyerahan hak kecuali hak di sisi undang – undang

**77 Proses penilaian dan pemilihan risiko, penetapan bayaran sumbangan, penetapan terma dan syarat perlindungan dikenali sebagai \_\_\_\_\_**

- A Pengunderaitan**
- B Pemasaran
- C Tuntutan
- D Urus khidmat polisi

**78 Kebaikan pelan takaful berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:**

- I Keupayaan syarikat mengumpul dana dan mempelbagaikan pelaburan
- II Fleksibiliti yang ditawarkan oleh pelan berkenaan
- III Caj minimum dikenakan atas polisi
- IV Perlindungan risiko pasaran oleh pihak syarikat

- A I dan II**
- B II dan IV
- C I dan III
- D II dan IV

**79 Apakah yang dimaksudkan dengan Dana Terurus?**

- A Dana yang dilaburkan dalam portfolio hartanah dan instrumen kewangan berkaitan hartanah bagi manfaat pelaburan
- B Dana yang diuruskan secara professional oleh pakar pengurusan dana yang melabur dalam pelbagai jenis pelaburan**
- C Dana pelaburan yang diwujudkan dengan objektif mencapai pertumbuhan iaitu peningkatan modal
- D Dana yang diwujudkan untuk menyediakan pendapatan yang paling maksimum

**80 Apabila nilai serahan tidak ditetapkan terlebih dahulu, pengiraan nilai – nilai itu perlu mendapat pengesahan dari pihak \_\_\_\_\_**

- A Kewangan

- B Aktuari
- C Pelaburan
- D Saluran pentadbiran

81 Broker takaful mestilah mendapat lesen daripada Bank Negara Malaysia dan menjadi ahli:

- A MTA
- B PIAM
- C MITBA
- D MIB

82 Dalam Takaful Perubatan dan Kesihatan, keadaan sedia ada bermaksud \_\_\_\_\_

- A Keadaan dan penyakit peserta sebelum memohon Pelan Perubatan dan Kesihatan
- B Keadaan perlu dipenuhi sebelum perlindungan diterima
- C Penyakit yang dikenalpasti semasa tempoh perlindungan
- D Keadaan dan penyakit yang dikenalpasti semasa tempoh menunggu

83 Kontrak takaful keluarga merupakan suatu perjanjian diantara pengendali takaful dan peserta dimana peserta bersetuju untuk menyumbangkan sejumlah wang kepada peserta lain/waris sekiranya berlaku peristiwa tertentu sebagai balasan atas \_\_\_\_\_

- A Komisen insurans
- B Bayaran sumbangan
- C Margin keuntungan
- D Nilai serahan

84 Yang manakah di antara berikut merupakan ciri – ciri kontrak takaful keluarga?

- A Peserta boleh membuat perubahan terhadap kontrak yang disediakan oleh pengendali takaful
- B Ia adalah merupakan kontrak jangka pendek
- C Kontrak tidak boleh ditamatkan dengan penyelesaian bayaran tuntutan
- D Risiko yang dilindungi akan meningkat seiring dengan peredaran masa

85 Seksyen 4(5) Akta Takaful 1984 menyatakan bahawa mana – mana pengendali takaful yang tidak menyertai Persatuan Takaful Malaysia (MTA) boleh disebitkan kesalahan dan dikenakan denda sebanyak \_\_\_\_\_ sehari

- A RM10,000
- B RM16,000
- C RM20,000
- D RM25,000

86 Sistem wang –darah (Diyat) dikekalkan setelah kedatangan Islam kerana memberi faedah seperti berikut, KECUALI

- A Ia mengurangkan tragedi pertumpahan darah dan persengketaan
- B Menjadikan tanggungjawab kolektif sebagai tanggungjawab individu
- C Mengurangkan bebanan individu yang terlibat
- D Memupuk semangat kerjasama dan persaudaraan dikalangan puak masing – masing

87 Bagaimana seseorang boleh yakin bahawa produk takaful adalah patuh Syariah?

- A Produk Takaful dikaji dan diluluskan oleh jawatankuasa Syariah pengendali takaful
- B Produk takaful telah disahkan oleh persatuan takaful Malaysia
- C Takaful adalah perkataan arab yang berkaitan dengan islam
- D Ejen takaful akan memberi jaminan mengenai perkara itu

88 Sesuatu kontrak, menurut Syariah dianggap batal sekiranya \_\_\_\_\_

- A Kontrak yang dipersetujui tanpa saksi
- B Kontrak yang memenuhi syarat yang ditetapkan
- C Kontrak yang jelas unsur ketidakpastiannya (gharar)**
- D Kontrak yang dihasillkan tanpa paksaan

**89 Apakah yang dimaksudkan dengan had bagi setiap hilang upaya?**

- A Jumlah elaun yang boleh dituntut oleh peserta
- B Jumlah maksimum manfaat untuk peserta bagi setiap hilang upaya, iaitu bagi setiap kemasukan ke hospital**
- C Jumlah maksimum manfaat yang dibayar kepada peserta mengikut bilangan hari ia dimasukkan ke hospital
- D Jumlah maksimum manfaat yang disediakan untuk peserta dalam mana – mana tahun sijil

**90 Pengendali takaful tidak terlepas daripada liabiliti terhadap peserta/pemegang polisi dengan mengatur takaful semula. Kenyataan ini adalah BENAR kerana sebab – sebab berikut KECUALI:**

- A Peserta takaful langsung tidak mempunyai sebarang hak terhadap syarikat takaful dalam apa keadaan sekalipun
- B Sekiranya syarikat takaful semula tidak mampu menanggung liabiliti (insolvent), syarikat mengesid masih kekal bertanggungjawab di bawah syarat dan terma kontrak
- C Sekiranya syarikat mengesid menjadi tidak solven, syarikat takaful semula tidak bertanggungjawab di bawah syarat dan terma kontrak**
- D Syarikat takaful semula tidak mempunyai hak kontrak terhadap sebarang kesalahan yang dilakukan oleh peserta asal.

**91 Apakah sumber asas maklumat untuk pengunderaitan?**

- A Borang Carian Fakta Pelanggan
- B Illustrasi Jualan
- C Borang Cadangan**
- D Risalah Produk

**92 Mengapa pengunderaitan perubatan perlu?**

- A Untuk memastikan pengendali takaful menerima yuran Wakalah yang maksimum
- B Untuk mengurangkan tiada pembayaran sumbangan
- C Untuk mengelakkan orang ramai daripada menyertai perlindungan Takaful Perubatan dan Kesihatan hanya apabila mereka sakit, mengandung atau memerlukan rawatan**
- D Untuk menggalakkan orang ramai untuk menyertai Takaful Perubatan dan Kesihatan apabila mereka sakit

**93 Apabila sesuatu tuntutan itu didapati sah, pihak yang dilindungi berhak menerima ganti rugi/indemniti (atas budi bicara pengendali takaful) dengan menggunakan kaedah:**

- I Pembaikan
  - II Bayaran Tunai
  - III Penggantian
  - IV Pemulihan semula
- A I dan II
  - B I, III dan IV
  - C III dan IV**
  - D Semua di atas

**94 Objektif utama pengendali takaful menetapkan tahap pembendungan ialah untuk mengawal ketidakseimbangan dalam \_\_\_\_\_**

- I Nisbah atau kadar kerugian
- II Aliran tunai
- III Pencapaian perniagaan
- IV Nisbah pengekalakan kakitangan syarikat

- A I, III dan IV
- B I, II dan III**
- C I, II dan IV
- D II, III dan IV

**95 Apakah tugas Biro Perantara Kewangan (FMB)?**

- A Badan untuk menyiasat semua aduan berkenaan tuntutan takaful
- B Badan bagi menyelesaikan pelbagai aduan pelanggan berkenaan kewangan**
- C Badan untuk menguruskan dan menyediakan perlindungan insurans pendeposit
- D Badan untuk menyiasat dan mengesahkan tuntutan takaful

**96 Siapakah pihak yang mempunyai kepentingan dan berhak untuk menerima manfaat polisi/sijil?**

- A Ejen
- B Broker
- C Pihak yang dilindungi**
- D Pihak ketiga/pihak yang menuntut

**97 Yang manakah di antara berikut BUKAN contoh Kepentingan Lindung?**

- A Majikan yang melindungi hayat pekerja
- B Pemilik dan harta beliau
- C Pelabur melindungi kerugian pelaburannya**
- D Pemegang Pajak Gadai yang mempunyai kepentingan dalam hartanah penjamin kerana hartanah berada dalam milikan mereka

**98 Diantara berikut yang manakah BUKAN kaedah takaful semula**

- A Tritis
- B Fakultatif
- C Kongsi Kuota
- D Kerugian Purata**

**99 Semua pengantara takaful professional seperti ejen, broker atau penasihat kewangan mestilah seorang yang berkelayakan dan memiliki ciri – ciri berikut:**

- I Memastikan dan memahami apa yang pelanggan kehendaki dan sertai
- II Memiliki pengetahuan yang menyeluruh tentang insurans dan/atau produk takaful
- III Memahami keperluan dan kepentingan pelanggan anda
- IV Tidak membuat janji palsu atau menggunakan teknik jualan paksa

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas**

**100 Di antara berikut yang manakah dianggap sebagai kualiti ejen yang baik?**

- I Bijak
- II Boleh dipercayai
- III Jujur

IV Kedekut

- A I dan II
- B I, II dan III
- C I, III dan IV
- D Semua di atas